



**PETUGAS** Perhilitan mengusung harimau jantan yang ditangkap di Felda Kertih 3, Dungun, Terengganu, semalam. - FB PERHILITAN

## Awang Rasau cedera, ditangkap Perhilitan

Utusan Malaysia - 23/2/2021 M/s 12

**DUNGUN:** Seekor harimau belang seberat lebih 160 kilogram yang didakwa berkeliaran akibat kecederaan ditangkap di Ladang Sawit Felda Kertih 3, di sini, semalam.

Harimau belang jantan berusia antara 14 hingga 16 tahun yang digelar 'Awang Rasau' itu ditangkap Jabatan Perhilitan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) kira-kira pukul 11.30 pagi.

Operasi menangkap *Pak Belang* itu bermula pada pukul 8 pagi semalam membabitkan kakitangan Perhilitan Dungun dan Kemaman dengan diketuai Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) di Sungkai, Perak.

Penolong Pegawai Hidupan Liar Kanan NWRC, Nik Mohd. Zamani Awang berkata, pihaknya mengambil masa hampir empat jam untuk menangkap harimau berkenaan selepas menerima aduan daripada orang awam mengenai penemuan haiwan liar itu di kawasan ladang, petang semalam.

Katanya, Awang Rasau ditangkap kira-kira tiga kilometer dari lokasi ia dijumpai

penduduk. "Ketika dijumpai, harimau belang itu cuba untuk menyelamatkan diri ke kawasan hutan berhampiran.

"Pemeriksaan mendapati terdapat kecederaan di beberapa bahagian badan harimau itu dari perut dan belakang termasuk kakinya, dipercayai ditembak oleh individu yang tidak bertanggungjawab," katanya kepada pemberita di Pejabat Perhilitan Dungun.

Nik Mohd. Zamani berkata, kecederaan yang dialami mengakibatkan harimau belang itu hanya bergantung kepada kaki hadapan untuk berjalan.

Dia bagaimanapun tidak menolak kemungkinan harimau itu adalah haiwan yang menyerang ternakan milik penduduk yang pernah dilaporkan media, sebelum ini.

Katanya, Awang Rasau dibawa ke NWRC petang semalam untuk menerima rawatan.

Terdahulu, tular dalam laman sosial dua video berdurasi 0.29 saat dan 0.54 saat yang memaparkan seekor harimau cedera di bahagian kaki ditemuikan di Ladang Felda Kertih 3.